A

JI SENG HONG PLASTIC MANUFACTURING SDN BHD lwn. NG BAK SOON & YANG LAIN

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
AZAHAR MOHAMED HMR
ROHANA YUSUF HMR
B MOHD ZAWAWI SALLEH HMR
[RAYUAN SIVIL NO: A-02-2569-10-2012]
13 OKTOBER 2015

C ***UNDANG-UNDANG SYARIKAT:*** *Penggulungan – Rayuan terhadap – Pentadbiran perayu – Sama ada teratur – Pemecatan responden pertama sebagai pengarah urusan perayu – Sama ada dilakukan secara adil – Sama ada berlakunya penindasan terhadap responden pertama – Sama ada perayu sengaja menggelembung stok supaya disenaraikan di papan KLSE – Sama ada memorandum dan artikel persatuan syarikat dipatuhi – Prinsip adil dan saksama*
D *– Sama ada perayu wajar digulungkan – Sama ada penemuan hakim bicara tersasar dan tidak boleh dipertahankan – Akta Syarikat 1965, s. 218(1)(f) & (i)*

UNDANG-UNDANG SYARIKAT: *Penggulungan – Prinsip adil dan saksama – Rayuan terhadap penggulungan – Pentadbiran perayu – Sama ada teratur –*
E *Pemecatan responden pertama sebagai pengarah urusan perayu – Sama ada dilakukan secara adil – Sama ada berlakunya penindasan terhadap responden pertama – Sama ada perayu sengaja menggelembung stok supaya disenaraikan di papan KLSE – Sama ada memorandum dan artikel persatuan syarikat dipatuhi – Sama ada perayu wajar digulungkan – Sama ada penemuan hakim bicara tersasar dan tidak boleh dipertahankan – Akta Syarikat 1965, s. 218(1)(f) & (i)*

F Responden pertama merupakan pemegang saham dan bekas pengarah urusan syarikat perayu. Pada 18 Disember 2003, lembaga pengarah perayu telah memecat responden pertama atas alasan bahawa perayu telah mengalami kerugian akibat tindakan responden pertama. Responden kedua adalah pemegang saham dan bekas pengarah bukan eksekutif perayu dan responden
G ketiga adalah pemegang saham perayu. Fakta menunjukkan bahawa stok secara berlebihan ("overstated stock") kononnya dilakukan bagi membolehkan perayu disenaraikan di papan KLSE. Akibatnya, Jabatan Hasil Dalam Negeri ('LHDN') telah mengenakan denda dan penalti terhadap perayu. Pada 18 Oktober 2012, Mahkamah Tinggi telah membenarkan
H permohonan responden pertama di bawah s. 218(1)(f) dan (i) Akta Syarikat 1965 ('Akta') supaya syarikat perayu digulungkan. Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman ('PK') membuat penemuan fakta, antara lain, bahawa perayu telah secara sengaja menggelembung stok sejumlah RM1.3 juta tersebut. Oleh itu, rayuan ini. Perayu berhujah bahawa PK terkhilaf dari segi undang-
I undang dan fakta apabila mendapati pentadbiran perayu tidak teratur dan pemecatan responden pertama sebagai pengarah urusan syarikat perayu dilakukan secara tidak adil. Tambahan, perayu berhujah bahawa PK terkhilaf apabila beliau gagal menilai secara kehakiman mengenai isu "overstated

stock". Berkenaan isu ini, pihak perayu menyatakan bahawa PK telah membuat penemuan fakta secara salah dan tersasar apabila beliau mendapati bahawa "overstated stock" dilakukan bagi tujuan penyenaraian syarikat perayu di papan KLSE.

Diputuskan (membenarkan rayuan dengan kos; mengenepikan keputusan Mahkamah Tinggi)
Oleh Mohd Zawawi Salleh HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Memorandum dan artikel persatuan syarikat telah menyediakan kerangka di mana pemegang-pemegang saham dan pengarah-pengarah syarikat sepatutnya beroperasi. Penamatan jawatan responden pertama telah dibuat menurut peruntukan artikel 102 Memorandum Persatuan. Walaupun tedapat unsur *mala fide* sekalipun (di mana dinafikan), pemecatan responden pertama bukanlah terbatal atau tidak berkuatkuasa selama ianya dibuat demi kepentingan syarikat. Tambahan, penukaran atau penggantian pengarah urusan atau pengarah-pengarah lain yang dibuat mengikut undang-undang dan artikel persatuan atau perjanjian pemegang-pemegang saham tidak boleh dijadikan sebagai alasan untuk mendapatkan relif di bawah s. 181 Akta (*Lee Tak Samuel v. Chan Wen Hsien & Ors*, diikuti; *Dato' Ting Check Sii v. Datuk Hj Mohamad Tufail Mahmud & Ors*, dirujuk). (perenggan 12, 13, 14 & 31)

(2) Responden pertama telah dilantik menjadi pengarah urusan syarikat perayu berdasarkan kontrak pekerjaan dan penamatan jawatan tersebut tidak boleh dijadikan alasan untuk menggulung perayu atas prinsip adil dan saksama. Kemungkiran kontrak pekerjaan tidaklah terjumlah kepada suatu penindasan ("oppression") yang mewajarkan perayu digulungkan di bawah s. 218(1) Akta. Tambahan, remedi di bawah s. 218(1)(f) Akta tidak boleh digunakan oleh pemegang saham minoriti untuk menggulung syarikat atas alasan bahawa beliau tidak "sebulu" ("does not see eye to eye") dengan pemegang saham majoriti. (perenggan 15 & 31)

(3) Rayuan ini merupakan kes yang sesuai untuk mahkamah ini menggangu penemuan fakta hakim bicara kerana penemuan tersebut tidak disokong oleh keterangan yang dikemukakan. Penemuan PK bahawa "overstated stock" dilakukan bagi tujuan penyenaraian di papan KLSE adalah bertentangan dengan keberatan keterangan. Berdasarkan fakta, tiada sebarang proses untuk menyenaraikan perayu seperti didakwa. Fakta mengenai "overstated stock" berbangkit daripada siasatan yang dibuat oleh LHDN. Penggelembungan stok sebenarnya bukan merupakan kesalahan mana-mana pengarah perayu. (perenggan 22-25)

(4) Keputusan PK bahawa responden pertama tidak mengetahui mengenai "overstated stock" adalah tersasar dan tidak boleh dipertahankan. Ini adalah kerana responden pertama sendiri telah menandatangani

perjanjian dengan pihak LHDN bagi pihak perayu untuk membayar cukai tambahan dan penalti yang kena dibayar secara ansuran kepada LHDN berkenaan "overstated stock" tersebut. (perenggan 26)

(5) Semasa perintah penggulungan dibuat, perayu adalah sebuah syarikat yang masih aktif beroperasi dengan bilangan pekerja yang melebihi 100 orang. Berdasarkan fakta dan keadaan yang wujud di dalam kes ini, petisyen penggulungan perayu tidak patut dibenarkan atas prinsip adil dan saksama. Tambahan, tidak terdapat sebarang tali kekeluargaan di antara mana-mana pengarah dan pemegang saham perayu. Responden pertama gagal untuk menunjukkan bahawa penggulungan adalah satu-satunya pilihan yang terbuka dan tindakan yang boleh diambil oleh beliau. Tambahan, prinsip-prinsip mengenai "quasi-partnership" yang dinyatakan dalam *Ebrahimi v. Westbourne Galleries Ltd & Ors* tidak terpakai dalam rayuan ini. (perenggan 28-30)

Kes-kes yang dirujuk:

Bank Pertanian Malaysia Bhd v. Nora'rifah Darus [2014] 7 CLJ 631 CA ***(dirujuk)***

Dato' Ting Check Sii v. Datuk Hj Mohamad Tufail Mahmud & Ors [2008] 7 CLJ 315 HC ***(dirujuk)***

Ebrahimi v. Westbourne Galleries Ltd & Ors [1973] AC 360 ***(tidak diikuti)***

Hanuman Prasad Bagri & Ors v. Bagrees Cereals Pvt Ltd & Ors AIR 2001 SC 1416 ***(dirujuk)***

Lee Tak Samuel v. Chan Wen Hsien and Ors [1984] 1 WLR 1202 ***(diikuti)***

Lim Swee Kiang v. Borden Co (Pte) Ltd [2005] 4 SLR 141 ***(dirujuk)***

Re Wondoflex Textile Pty Ltd [1951] VLR 458 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Companies Act 1965, ss. 181, 218(1)(f), (i)

Bagi pihak perayu - Faizul Hilmy Ahmad Zamri (Nathan Subramaniam Eliatamby bersamanya); T/n WY Chan & Roy

Bagi pihak responden - Wong Hin Loong (Wan Koon Meng, Sakthy Vell Saminathan bersamanya); T/n Azman Davidson & Co

[Nota Pengarang: Untuk kes Mahkamah Tinggi, sila lihat Ng Bak Soon & Ors v. Ji Seng Hong Plastic Manufacturing Sdn Bhd; Mustapha Mohamed (Receiver & Manager And Applicant) [2015] 2 CLJ 828.]

Dilaporkan oleh Kumitha Abd Majid

PENGHAKIMAN

Mohd Zawawi Salleh HMR:

Pendahuluan

[1] Rayuan ini ialah terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Ipoh bertarikh 18 Oktober 2012 yang membenarkan petisyen penggulungan oleh responden-responden terhadap perayu (selepas ini disebut "syarikat perayu") dengan kos.

[2] Kami telah mendengar rayuan ini pada 10 September 2014. Setelah mendengar hujah-hujah pihak-pihak dan meneliti rekod rayuan, kami berpendapat bahawa rayuan ini bermerit. Justeru, kami membenarkan rayuan syarikat perayu dan mengakaskan keputusan Mahkamah Tinggi bertarikh 18 Oktober 2012.

[3] Kini kami menzahirkan alasan terperinci keputusan.

Fakta Kes

[4] Fakta kes bolehlah diringkaskan seperti berikut:

(a) responden pertama ialah pemegang saham dan bekas pengarah urusan syarikat perayu;

(b) pada tahun 1986, responden pertama telah menubuhkan syarikat perayu sebagai sebuah syarikat keluarga bersama-sama dengan, antara lain, Lee Chin Yen. Adalah menjadi suatu persetujuan mereka bersama bahawa responden pertama dan Lee Chin Yen akan mengendalikan urusan harian syarikat perayu;

(c) responden kedua ialah pemegang saham dan bekas pengarah bukan ekskutif syarikat perayu;

(d) responden ketiga pula ialah pemegang saham syarikat perayu. Responden ketiga ialah sebuah syarikat keluarga yang di punyai oleh adik-beradik responden pertama dan responden kedua di mana responden kedua ialah salah seorang pengarahnya;

(e) syarikat perayu telah diperbadankan pada 12 September 1983 di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai sebuah syarikat berhad menurut syer ("company limited by shares") dengan nama Ji Seng Hong Paper Products Sdn Bhd. Pada 11 Julai 1986, syarikat perayu telah menukar namanya kepada Ji Seng Hong Plastic Manufacturing Sdn Bhd ("syarikat perayu");

(f) semenjak dari syarikat perayu diperbadankan sehingga 18 Disember 2003, responden pertama adalah pengarah urusan dan pengarah ekskutif syarikat perayu;

(g) pada 18 Disember 2003, lembaga pengarah syarikat perayu telah memecat responden pertama. Pada masa berkenaan, antara pengarah-pengarah lain syarikat perayu ialah Lee Chin Yen ("LCY"), Tan Hong Cheng ("THC"), Cheng Ah Seang ("CAS") dan Hoh Kok Man ("HKM");

(h) mengikut responden pertama, beliau dipersalahkan sebagai penyebab kepada kerugian yang dialami oleh syarikat perayu sedangkan pengarah-pengarah lain yang menyatakan stok secara berlebihan ("overstated stock") sebanyak RM1.3 juta bagi membolehkan syarikat perayu

disenaraikan di papan KLSE. Dikatakan perbuatan ini dilakukan oleh pengarah-pengarah lain syarikat perayu tanpa pengetahuan responden pertama;

(i) akibat dari perbuatan mereka tersebut, Jabatan Hasil Dalam Negeri (LHDN) telah mengenakan denda dan penalti terhadap syarikat perayu. Juruaudit syarikat perayu juga telah mencadangkan agar kerugian dihapus kira ("loss to be written off") sebanyak RM306,000 setahun. Akibatnya, EON Bank, sebagai sebuah bank yang menyediakan kemudahan kewangan kepada syarikat perayu telah menulis beberapa pucuk surat mempersoalkan mengenai keuntungan negatif syarikat perayu untuk tempoh 4 tahun;

(j) semasa mesyuarat lembaga, THC dan CAS telah menggunakan surat-surat daripada EON Bank sebagai alasan untuk memecat responden pertama dan merombak pengurusan dan operasi syarikat perayu. CAS mencadangkan agar THC dilantik sebagai pengarah urusan syarikat perayu yang baru dan berkuatkuasa serta-merta dan cadangan ini dipersetujui oleh mesyuarat dengan undi majoriti 3 - 2;

(k) responden pertama kemudiannya telah memfailkan petisyen penggulungan, antara lain, memohon supaya:

(i) syarikat perayu digulungkan di bawah s. 218(1)(f) dan (i) Akta Syarikat 1965; dan

(ii) pegawai penerima dilantik sebagai pelikuidasi syarikat perayu;

(l) pada 18 Oktober 2012, Mahkamah Tinggi Ipoh telah membenarkan permohonan responden pertama;

(m) di samping responden pertama memfailkan petisyen penggulungan terhadap syarikat perayu, beliau juga telah membawa suatu tindakan guaman sivil (Guaman Sivil No: 22-315-2009) menuntut ganti rugi atas penamatan jawatan beliau yang dikatakan dilakukan secara tidak sah dan melanggar kontrak perkhidmatan; dan

(n) tindakan guaman sivil tersebut telah ditolak oleh Mahkamah Tinggi.

Alasan Mahkamah Tinggi

[5] Dalam membenarkan petisyen penggulungan syarikat perayu, Pesuruhjaya Kehakiman ("PK") telah memberi alasan yang berikut:

> Setelah meneliti kertas-kertas kausa, affidavit-afidavit berkaitan serta keterangan lain Chang Ah Seng dalam pemeriksaan balas, Mahkamah mendapati "affairs of the company" berdasarkan minit-minit mesyuarat telah menimbulkan keraguan pempetisyen-pempetisyen dan cara penamatan perkhidmatan pempetisyen mewajarkan Mahkamah ini menggulung syarikat atas dasar "just and quitable ground".
>
> (Rujuk ms. 76 "core bundle" perayu).

[6] Adalah juga ketara bahawa alasan utama PK membenarkan petisyen penggulungan ialah kerana dikatakan penamatan jawatan pengarah urusan responden pertama telah dilakukan secara *mala fide*. Beliau berkata:

> Mahkamah mendapati walaupun pemecatan tidak bercanggah dengan Article of Association Syarikat tetapi didapati dilakukan secara *mala fide*.

Rayuan

[7] Peguamcara terpelajar perayu mengemukakan dua alasan utama bagi mencabar keputusan PK iaitu:

(a) PK telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila membenarkan petisyen penggulungan syarikat perayu atas alasan pentadbiran tidak teratur dan pemecatan responden pertama sebagai pengarah urusan untuk syarikat perayu secara tidak adil; dan

(b) PK telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal menilai secara kehakiman keterangan mengenai "overstated stock".

Hujah-Hujah Pihak-Pihak

Isu (a)

[8] Teras hujah peguamcara terpelajar syarikat perayu ialah bahawa pemecatan responden pertama adalah berdasarkan peruntukan artikel persatuan syarikat perayu dan kontrak pekerjaan. Alasan ini tidak merupakan suatu penindasan ("oppression") yang mewajarkan penggulungan syarikat perayu.

[9] Dihujahkan selanjutnya bahawa perbuatan yang menyebabkan kerugian kepada syarikat perayu yang diadukan oleh responden pertama sebenarnya adalah perbuatan yang dilakukan oleh beliau sendiri.

[10] Peguamcara terpelajar responden pertama sebaliknya berhujah bahawa pematuhan kepada peruntukan artikel persatuan bukanlah merupakan satu kekangan untuk menggulung sesuatu syarikat. Kuasa mahkamah untuk menggulung sesuatu syarikat tidak boleh dilumpuhkan oleh artikel-artikel. Bagi menyokong hujah beliau, peguamcara terpelajar responden pertama merujuk kepada kes-kes *Ebrahimi v. Westbourne Galleries Ltd & Ors* [1973] AC 360 dan *Re Wondoflex Textile Pty Ltd* [1951] VLR 458.

[11] Adalah menjadi hujah peguamcara terpelajar responden pertama bahawa suatu petisyen untuk menggulung syarikat di bawah s. 218 (1)(f) adalah remedi berasaskan ekuiti dan mahkamah adalah berhak untuk melihat melampaui artikel persatuan dalam menimbangkan sama ada perintah penggulungan wajar dibuat atas prinsip adil dan saksama ("just and equitable").

Keputusan Mahkamah Ini Mengenai Isu (a)

[12] Pada peringkat ini adalah suai manfaat sekiranya kami merujuk kepada kes *Lee Tak Samuel v. Chan Wen Hsien and Ors* [1984] 1 WLR 1202, satu keputusan dari Hong Kong yang berakhir di Privy Council dan disandarkan

oleh perayu dalam menyokong hujahnya. Dalam kes ini peruntukan relevan (art. 73(d)) menyatakan:

> The office of [a director] shall be vacated ... (d) if he is requested in writing by all his co-directors to resign.

Fakta kes yang relevan ialah, plaintif yang merupakan seorang pemegang saham dan pengarah syarikat, bertelingkah dengan pengarah-pengarah bersama lain syarikat mengenai akaun. Beliau meminta supaya mesyuarat lembaga diadakan di mana pengarah-pengarah bersama lain telah mengeluarkan notis menurut art. 73(d) supaya beliau meletakkan jawatan. Plaintif membawa tindakan ke mahkamah dan memplidkan niat jahat (*mala fide*) di pihak pengarah-pengarah bersama lain dan memohon suatu pengisytiharan bahawa peletakan jawatan beliau tidak sah. Pada intipatinya, Privy Council memutuskan bahawa demi kepentingan peniagaan, adalah perlu untuk mentafsirkan artikel-artikel persatuan syarikat secara ketat menurut terma-termanya tanpa apa-apa pengecualian. Privy Council memutuskan di ms. 414:

> To hold that bad faith on the part of any one director vitiates the notice to resign and leaves in office the director whose resignation is sought, would introduce into the management of the company source of uncertainty which their lordships consider is unlikely to have been intended by the signatories to the articles and by others becoming shareholders in the company. *In order to give business sense to the article it is necessary to construe the article strictly in accordance with its terms without any qualifications and to treat the office of director as vacated if the specified event occurs. If this were not the case, and the expelled director challenged the bona fides of all or any of his co-directors, the management of the company's business might be at a standstill pending the resolution of the dispute by one means or another, in consequence of the doubt whether the expelled director ought or ought not properly to be treated as a member of the Board.* (Penekanan ditambah).

[13] Dengan memakai prinsip undang-undang di atas kepada fakta kes dalam rayuan ini, kami berpendapat bahawa penamatan jawatan responden pertama telah dibuat menurut peruntukan art. 102 memorandum persatuan, jika terdapat elemen *mala fide* sekalipun (di mana dinafikan), ia tidak akan menyebabkannya pemecatan itu menjadi terbatal atau tidak berkuatkuasa selama mana ia dibuat demi kepentingan syarikat. Pemecatan tersebut tidak boleh dijadikan alasan untuk menggulung syarikat perayu.

[14] Kami bersetuju dengan keputusan kes *Dato' Ting Check Sii v. Datuk Hj Mohamad Tufail Mahmud & Ors* [2008] 7 CLJ 315 bahawa penukaran atau penggantian pengarah urusan atau pengarah-pengarah lain yang dibuat mengikut undang-undang dan artikel persatuan atau perjanjian pemegang-pemegang saham tidak boleh dijadikan satu alasan bagi mendapatkan relif di bawah s. 181 Akta Syarikat.

[15] Pada hemat kami, responden pertama telah dilantik menjadi pengarah urusan syarikat perayu berdasarkan kontrak pekerjaan dan penamatan jawatan tersebut tidak boleh dijadikan alasan untuk menggulung syarikat

perayu atas prinsip adil dan saksama ("just and equitable"). Kemungkiran kontrak pekerjaan tidaklah terjumlah kepada suatu penindasan ("oppression") yang mewajarkan syarikat perayu digulungkan di bawah s. 218(1) Akta Syarikat 1965.

[16] Dalam nada yang sama, dalam kes *Hanuman Prasad Bagri & Ors v. Bagrees Cereals Pvt Ltd & Ors* AIR 2001 SC 1416, Mahkamah Tinggi Calcutta membuat pemerhatian berikut:

> termination of directorship would not entitle such person to ask for winding up on just and equitable grounds inasmuch as there is an appropriate remedy by way of company suit which can give him full relief if such action had been taken by the company on inadequate ground. The Hon'ble Calcutta High Court held that "if a Director even if illegally terminated cannot bring his grievance as to termination to winding up of a company for that single and isolated act, even if it was doing good business and even if the Director could obtain each and every adequate relief in a suit in a court".

[17] Justeru alasan (a) adalah bermerit.

Isu (b)

[18] Peguamcara terpelajar perayu berhujah bahawa PK terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal membuat penilaian yang betul terhadap kesemua keterangan yang dikemukakan, termasuklah keterangan semasa soal balas dan keterangan dokumentar berhubung dengan isu "overstated stock".

[19] Mengikut peguamcara terpelajar perayu, PK telah membuat penemuan fakta secara salah dan tersasar apabila menyatakan bahawa "overstated stock" dilakukan bagi tujuan penyenaraian syarikat perayu di papan KLSE. Ia sebenarnya berbangkit dari siasatan oleh LHDN terhadap sebuah syarikat kepunyaan salah seorang pengarah perayu, Lee Chin Yin, yang ingin menyenaraikan salah sebuah syarikat beliau, Central Melamine Sdn Bhd, di papan KLSE.

[20] Peguamcara terpelajar responden pertama sebaliknya mempertahankan penemuan fakta yang dibuat oleh PK dan berhujah bahawa penemuan PK tersebut adalah disokong oleh dokumen-dokumen semasa "contemporaneous documents" yang wujud sebelum pempetisyen penggulungan difailkan di mahkamah.

Keputusan Mahkamah Ini Mengenai Isu (b)

[21] Kami telah memberi perhatian bahawa PK telah membuat penemuan fakta bahawa syarikat perayu telah secara sengaja menggelembung stok ("overstated stock") sejumlah RM1.3 milion. Justeru, mahkamah ini hanya wajar mengganggu penemuan tersebut sekiranya ia ternyata salah.

[22] Mahkamah ini telah meneliti keterangan yang terdapat dalam rekod rayuan dan mendapati bahawa penemuan PK bahawa "overstated stock" dilakukan bagi tujuan penyenaraian di papan KLSE adalah bertentangan dengan keberatan keterangan. Kami tidak mendapati apa-apa proses untuk menyenaraikan syarikat perayu seperti yang didakwa. Dalam kes *Bank Pertanian Malaysia Bhd v. Nora'rifah Darus* [2014] 7 CLJ 631, Mahkamah Rayuan menyatakan:

> At the outset we must say that the jurisdiction of the appellate court to intervene with the finding of facts by a trial Judge is well defined in *catena* of decisions by our courts. It has been settled that an appellate court can intervene with the finding of facts when the findings are grounded entirely on speculations, surmises or conjectures; when an inference made by a trial court from its factual findings is plainly wrong, absurd or illogical; where there is none or insufficient judicial appreciation of evidence; when the findings of a trial court run contrary to the admission of the parties to the case, or fail to notice certain relevant facts which if properly considered, will justify a different conclusion; when the findings of fact are premised on the absence of evidence, or are contradicted by the evidence on record. (emphasis added).

[23] Pada hemat kami, rayuan ini adalah merupakan kes yang sesuai untuk kami menganggu penemuan fakta hakim bicara kerana ia adalah tidak disokong oleh keterangan yang dikemukakan.

[24] Kami bersetuju dengan hujah peguamcara syarikat perayu bahawa fakta mengenai "overstated stock" adalah berbangkit dari siasatan yang dibuat oleh LHDN. Fakta ini diperjelaskan oleh CAS seperti berikut:

> Saksi: Because of the listing activities by Mr Lee Chin Yen, IRD investigate our company, all this happened due to the investigation by IRD. If he did not arrange the listing of other company, IRD would not investigate the Respondent's company.

(Rujuk ms. 146 "core bundle" perayu).

[25] Berlakunya penggelembungan stok (overstated stock) sebenarnya bukan merupakan kesalahan mana-mana pengarah syarikat perayu. Ini telah dijelaskan oleh juruaudit syarikat, Encik P Rethinasamy, seperti yang tercatat dalam minit mesyuarat syarikat perayu bertarikh 20 Ogos 2005 seperti yang berikut:

> Mr Rethinasamy said he would like to put on record that the closing stock valuation of RM1.3 million was incorporated into the accounts at the request of the Inland Revenue Department as a result of tax investigation into the Company's affairs and not due to any individual director's fault. The Board had approved the decision and that Mr Ng Bak Soon signed the agreement on the Company's behalf on the settlement of the tax payable to the Inland Revenue Department. It was also pointed out that the amortisation of the overstated closing stock over a period of years was

done with the consent of the Board and at the time when Ng Bak Soon was the Managing Director of the Company and that Mr Ng Bak Soon was well aware of the situation then.

(Sila rujuk ms. 135 "core bundle" perayu).

[26] Keputusan PK bahawa responden pertama tidak mengetahui mengenai "overstated stock" adalah tersasar dan tidak boleh dipertahankan memandangkan responden pertama sendiri yang telah menandatangani perjanjian bertarikh 20 Januari 1997 dengan pihak LHDN bagi pihak syarikat perayu untuk membayar secara ansuran cukai tambahan dan penalti yang kena dibayar kepada LHDN berhubung "overstated stock" tersebut. (lihat ms. 149, "Core Bundle" perayu).

[27] PK dalam penghakimannya juga telah menyatakan bahawa "hal ehwal" ("affairs") syarikat perayu menimbulkan keraguan. Walau bagaimanapun, PK tidak menjelaskan apakah yang dimaksudkan hal ehwal tersebut. Kami tidak wajar membuat spekulasi mengenai apa yang dimaksudkan oleh PK tetapi nampaknya beliau merujuk kepada isu "overstated stock" yang telah kami bincangkan sebelum ini.

[28] Sebelum kami membuat kesimpulan, kami ingin menyatakan bahawa pada masa perintah penggulungan dibuat, syarikat perayu adalah sebuah syarikat yang masih aktif beroperasi dengan para pekerja melebihi 100 orang. Pada pandangan kami, berdasarkan fakta dan keadaan yang wujud dalam kes, petisyen penggulungan syarikat perayu tidak patut dan wajar dibenarkan atas prinsip adil dan saksama. Responden pertama gagal untuk menunjukkan bahawa penggulungan ialah satu-satunya pilihan yang terbuka dan tindakan yang boleh diambil oleh beliau. Dalam kes Singapura, *Lim Swee Kiang v. Borden Co (Pte) Ltd* [2005] 4 SLR 141, mahkamah telah menolak untuk memerintahkan penggulungan. Chan Sek Keong KH berkata di ms. 91:

> We note that the appellants have clearly stated their desire that Borden be wound up. Their main reason for this is that the familial and close-knit management that was originally conceived is no longer possible and Borden's business would only continue to be exploited by the respondents for their own advantage. We are not minded to accept this submission. As I state in *Tang Choon Keng Realty (Pte) Ltd v. Tang Wee Cheng* [1992] 2 SLR 1114 at 1142, [58] the court's discretion under s. 216 of the [Act] should be exercised with a view to bringing to an end or remedying the maters complained of. If the state of affairs in a particular case can be remedied by an order other than winding up there is no reason for a court to wind up the company. Further, we are of the view that winding up should only be ordered if, having taken into account all the circumstances of the case, it is the best solution for all the parties involved. In general, the courts are not minded to wind up operational and successful companies unless no other remedy is available.
>
> Instead, the court held that "the most appropriate remedy [was] for the respondents to purchase the appellants' shares" (at [92]).

[29] Mengenai isu sama ada syarikat perayu ialah sebuah "syarikat keluarga", kami mendapati material yang ada dalam rekod rayuan tidak mencukupi bagi kami mencapai keputusan demikian. Selain dari fakta bahawa LCY adalah abang ipar kepada responden pertama dan responden kedua dan responden ketiga adalah adik-beradik, kami mendapati tiada apa-apa tali kekeluargaan antara mana-mana pengarah dan pemegang saham syarikat perayu. Kedudukan pemegangan saham syarikat perayu ialah seperti berikut:

(i) Lee Ah Kow - satu saham;

(ii) THC - satu saham;

(iii) Cheng Chung Lit - satu saham;

(iv) LCY - satu saham; dan

(vi) Responden pertama - satu saham.

(Rujuk ms. 131 "Core Bundle" perayu)

[30] Justeru, prinsip-prinsip mengenai "quasi - partnership" yang dinyatakan dalam kes *Ebrahimi* (*supra*) adalah tidak terpakai dalam rayuan ini.

[31] Adalah juga perlu ditegaskan bahawa remedi di bawah s. 218 (1)(f) Akta Syarikat 1965 tidak boleh digunakan oleh pemegang saham minoriti untuk menggulung syarikat atas alasan beliau tidak "sebulu" ("does not see eye to eye") dengan pemegang saham majoriti. Memorandum dan artikel persatuan syarikat telah menyediakan kerangka di mana pemegang-pemegang saham dan pengarah-pengarah syarikat sepatutnya beroperasi. Lord Wilberfore menyatakan perkara ini dalam kes *Ebrahimi* (*supra*) seperti berikut di ms. 379:

> The "just and equitable" provisions does not ... entitle one party to disregard the obligation he assumes by entering a company, nor the court dispense him for it.

Kesimpulan

[32] Berdasarkan alasan-alasan di atas, kami membenarkan rayuan ini dengan kos. Keputusan PK Mahkamah Tinggi Ipoh bertarikh 18 Oktober 2012 dengan ini diketepikan.